



**TEKS UCAPAN
YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA *GLOBAL TIGER DAY 2019*
DAN PELANCARAN KEMPEN “SELAMATKAN HARIMAU MALAYA”
 (“*SAVE OUR MALAYAN TIGER*”) 2019 - 2020**

**HOTEL LE MERIDIEN, PUTRAJAYA
28 JULAI 2019**

Terima kasih pengacara majlis

**YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. SITI HASMAH BINTI HAJI
MOHD ALI**

Penaung Kempen ‘Selamatkan Harimau Malaya’

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL**

Timbalan Perdana Menteri

YANG BERHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH

Ketua Setiausaha

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)

YANG BERBAHAGIA DATO' SERI ABDUL HAMID BADOR

Ketua Polis Negara

YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL KADIR ABU HASHIM

Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung
Malaysia (PERHILITAN)

Your Excellencies,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri / Dato'-Dato' / Datin-Datin,

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Selamat Petang dan Salam Sejahtera kepada semua.

1. Hari ini merupakan hari yang sangat bermakna buat kita kerana dapat berkumpul meraikan **Sambutan *Global Tiger Day 2019* dan Pelancaran Kempen Selamatkan Harimau Malaya**. Kita berasa amat bersyukur dan berbangga atas kesudian YABhg Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali, Penaung Kempen Selamatkan Harimau Malaya kerana dapat meluangkan masa untuk bersama-sama menyempurnakan majlis kita pada petang ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih buat YABhg Tun Dr. Siti Hasmah. **Mari bersama-sama kita berikan tepukan gemuruh buat YABhg Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sambutan ***Global Tiger Day*** merupakan acara tahunan yang telah **dimulakan sejak tahun 2010** sebagaimana dipersetujui oleh 13 Ketua-Ketua Negara *Tiger Range Countries* (TRCs) yang menghadiri *Global Tiger Summit* di St. Petersburg, Rusia pada Oktober 2010. ***Global Tiger Day*** disambut pada **29 Julai** setiap tahun bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai kepentingan **menjaga, memelihara dan memulihara spesies harimau**. Semua negara TRC juga komited untuk mempergiatkan usaha bagi meningkatkan populasi harimau liar di negara masing-masing menjelang tahun 2022.

3. Dalam kita menyambut *Global Tiger Day* ini, **kita juga turut menerima berita sedih tentang kematian seekor Harimau Malaya yang kita telah selamatkan sebelum ini di Terengganu.** Harimau yang diberi nama 'Awang Besul' ini telah disahkan positif virus '*canine distemper*' yang menyebabkan harimau tersebut mengalami perubahan pada kelakuannya sehingga nampak seperti jinak dan tidak takut dengan kehadiran manusia.

4. Di Malaysia, **Harimau Malaya merupakan spesies ikonik negara yang menjadi simbol dalam Jata Negara.** Harimau Malaya turut dijadikan sebagai ikon oleh pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta. **Harimau Malaysia menjadi lambang keberanian, integriti dan perpaduan nasional.**

5. Walau bagaimanapun, kita akan kehilangan Harimau Malaya buat selama-lamanya jika usaha tidak diambil untuk melindungi dan meningkatkan populasi Harimau Malaya. **Harimau Malaya diancam kepupusan dan berdasarkan kepada dapatan awal Survei Harimau Kebangsaan (2016 – 2020), populasinya kini adalah kurang dari 200 ekor.** Data ini menunjukkan populasi Harimau Malaya berada pada tahap yang sangat membimbangkan.

6. **Pengurangan populasi Harimau Malaya adalah disebabkan beberapa faktor seperti pengurangan kawasan habitat dan keliaran akibat aktiviti pembukaan hutan dan perubahan guna tanah.** Selain itu, **Harimau Malaya juga menjadi sasaran utama aktiviti pemburuan dan perdagangan haram** disebabkan permintaannya yang tinggi di pasaran gelap.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. **Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) memandang serius keperluan untuk memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.** Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KATS menerusi Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama Kerajaan Negeri, agensi-agensi penguatkuasaan serta NGO.

8. Inisiatif terbaru ialah dengan menjalankan **Kempen “Selamatkan Harimau Malaya” 2019 – 2020** untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan pemuliharaan Harimau Malaya yang diancam kepupusan. Kempen ini merangkumi program konservasi dan penguatkuasaan, kesedaran awam, publisiti dan promosi serta program sumbangan dan Corporate Social Responsibilities (CSR).

9. KATS juga telah mewujudkan **Tabung Selamatkan Harimau Malaya** sebagai medium untuk semua pihak, termasuk syarikat-syarikat korporat dan individu-individu supaya dapat bersama-sama menyumbang, dalam membantu menggerakkan Kempen Selamatkan Harimau Malaya.

10. **Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan sumbangan dalam menjayakan Kempen Selamatkan Harimau Malaya** termasuk Yayasan Al-Bukhary, Berjaya Corporation, Ranhill Holdings, AEON, KLIATV, murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Long, Selangor, pelajar-pelajar KDU University College dan lain-lain. Saya berharap lebih ramai lagi akan tampil untuk membantu menjayakan kempen ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Dalam aspek perundangan, **KATS dalam proses meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 bagi mengenakan hukuman yang lebih berat** untuk kesalahan menceroboh kawasan rizab, kezaliman terhadap hidupan liar dan aktiviti pengiklanan atau perdagangan hidupan liar secara atas talian.

12. **KATS juga sedang membangunkan Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan (National Tiger Conservation Centre - NTCC)** di Lanchang, Pahang seluas 80 hektar bagi tujuan penyelidikan dan meliarkan semula (*re-wilding*) Harimau Malaya sebelum dilepaskan di hutan-hutan terpilih. NTCC akan menyokong program pembiakan (*captive breeding*) Harimau Malaya dalam kurungan sebelum dilepaskan ke habitat asal. NTCC dijangka siap pada penghujung tahun 2019.

13. **Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan operasi penguatkuasaan khas yang dinamakan Ops Belang.** Ops Belang merupakan operasi pengawalan dan rondaan penguatkuasaan sepenuh masa (*boots on the ground*) yang melibatkan seramai 200 orang anggota Jabatan PERHILITAN di 20 kawasan habitat utama Harimau Malaya. Ops Belang turut melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Perbadanan Taman Negeri Johor (PTNJ) dan Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP).

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengumumkan kerjasama operasi penguatkuasaan bersepadu antara Jabatan PERHILITAN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras dan memerangi penceroboh dan pemburu haram hidupan liar.** Terima kasih pihak PDRM atas usaha murni dan kesudian bersama-sama kami dalam memastikan khazanah negara yang amat ternilai ini akan terus terpelihara.

15. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YABhg Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali kerana telah memberi sokongan sepenuhnya dalam menjayakan Kempen Selamatkan Harimau Malaya. **Komitmen YABhg Tun membakar semangat kami untuk terus meningkatkan usaha dalam menyelamatkan Harimau Malaya.**

16. Akhir kata, marilah sama-sama kita memastikan Harimau Malaya tidak pupus dan simbolnya pada Jata Negara dapat terus dibanggakan. **Memulihara hidupan liar khususnya Harimau Malaya ini bukanlah menjadi tugas Kerajaan atau individu tertentu sahaja tetapi menjadi tanggungjawab kita semua.**

Sekian, terima kasih.

DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

28 JULAI 2019